

18/01/2003

Dr M tarik balik notis muflis terhadap Anwar

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik notis muflis yang difailkan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kegagalan bekas timbalan perdana menteri itu membayar kos undang-undang sebanyak RM35,385.

Peguam Anwar, S N Nair, berkata notis muflis itu ditarik balik oleh firma guaman Adnan Sundra & Low yang mewakili Perdana Menteri dan dimaklumkan melalui surat kepada Anwar di Penjara Sungai Buloh pada 15 Januari lalu.

"Anak guam kami gembira selepas diberitahu melalui surat pada 6 Januari lalu oleh peguam Dr Mahathir bahawa Perdana Menteri telah menarik balik tuntutan muflis ke atas Anwar," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Nair berkata, Anwar dan keluarganya lega di atas keputusan Dr Mahathir menarik balik notis muflis itu.

Tahun lalu, firma guaman Adnan Sundra & Low gagal menyerahkan notis muflis kepada Anwar di Penjara Sungai Buloh.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, enggan menerima notis itu yang ingin diserahkan oleh wakil firma guaman itu yang mewakili Dr Mahathir dalam kes saman malu.

Pada 5 September tahun lalu, Nair menerima tuntutan kos undang-undang di Mahkamah Rayuan sebanyak RM35,385 daripada Adnan Sundra & Low.

Pada 26 April lalu, Mahkamah Rayuan memerintahkan Anwar membayar kos sebanyak RM35,381 kepada Dr Mahathir berhubung rayuan saman malunya sebanyak RM100 juta yang ditolak Mahkamah Tinggi pada 9 Disember 1999.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Mohd Nasir Yahya membuat keputusan itu.

Dr Mahathir memohon kos sebanyak RM152,755. Pada 9 Disember 2000, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R K Nathan yang membatalkan saman Anwar terhadap Dr Mahathir, dengan kos.

Anwar memfailkan saman itu pada Januari 1999 dengan mendakwa bahawa Dr Mahathir berbohong dan berniat jahat apabila memberitahu sidang media di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau (Anwar) melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Dr Mahathir dalam kenyataan pembelaannya berkata, beliau mengucapkan kata-kata itu dalam kedudukannya sebagai Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Pada 17 April 2001, Anwar diarah membayar RM85,284.80 sebagai kos prosiding di Mahkamah Tinggi dan pada 6 Julai tahun lalu, dia diperintah membayar RM18,489 lagi sebagai kos prosiding di Mahkamah Persekutuan.

Pada 23 Februari 2001, Mahkamah Persekutuan menolak dengan kos permohonan Anwar untuk memohon kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.